



# BAB TIGA

**UNIVERSITI  
MALAYA**



## BAB III

### HUKUM PERKAHWINAN MENURUT UNDANG-UNDANG NO. 1 TAHUN 1974 DAN PERATURAN PEMERINTAH NO. 9 TAHUN 1975 DI PERADILAN AGAMA INDONESIA

#### 3.1 Pendahuluan.

Masalah perceraian merupakan masalah yang banyak dibincangkan jauh sebelum adanya undang-undang perkahwinan di Indonesia. Hal tersebut menjadi isu perbincangan yang cukup hangat antara lain disebabkan kerana kenyataannya di dalam masyarakat suatu perkahwinan banyak berakhir dengan perceraian dan tampaknya hal ini terjadi dengan cara yang mudah. Bahkan ada kalanya banyak terjadi perceraian kerana perbuatan sewenang-wenang dari pihak lelaki.

Berkenaan dengan perkara di atas, terutama di kalangan perempuan, hal tersebut tentulah merupakan suatu hal yang tidak menyenangkan. Dengan keadaan ini, maka timbul suara-suara yang menghendaki supaya dibentuk suatu peraturan perundang-undangan yang mengatur perkara itu terutama untuk membatasi kesewenang-wenangan pihak lelaki tersebut. Dengan adanya hal tersebut di atas maka lahirlah Undang-undang Perkahwinan No. 1/1974.

Undang-undang perkahwinan No. 1/1974 ini mulai dikuat kuasakan pada 1 Oktober 1975 berdasarkan Peraturan Pemerintah No. 9/1975 Tentang Pelaksanaan UU No. 1/1974.

### 3.2 Hukum Perkahwinan Di Indonesia

Di Indonesia sebelum lahirnya Undang-undang No 1 /1974 dan Peraturan Pemerintah No 9/1975, sudah ada beberapa peraturan perundangan yang mengatur tentang perkahwinan yang berlaku bagi masing-golongan dan masyarakat Indonesia diantaranya adalah, hukum Adat yang berlaku bagi golongan masyarakat Indonesia Asli dan hukum fiqh Islam bagi yang beragama Islam.

Untuk menetahui hukum perkahwinan bagi masing-masing golongan dan masyarakat di Indonesia sebelum lahirnya Undang-undang No 1/1974 dan PP No 9/1975, maka penulis akan menyetengahkan di bawah ini adalah sebagai berikut:

1. Peraturan perkahwinan campuran (Regeling op de Gemengde Huwelijken), Stbld. 1898 No. 158;
2. Ordonansi Perkahwinan Indonesia Kristen Jawa, Minahasa dan Ambon (Huwelijke Ordonnantie, voor Christen Indonesia Jawa, Minahasaen Amboina), Stbld, 1933 No. 74 jo 36-607 jo. L.N. 1946 No: 136;
3. Kitab Undang-undang Hukum Perdata;
4. Undang-undang No. 32 tahun 1954 tentang, pencatatan Nikah, Talaq dan Rujuk (L.N. No. 1954 No. 98).<sup>1</sup>

Peraturan perundangan yang sudah ada tersebut di atas, ini juga telah dijelaskan di dalam Peraturan Pelaksana Undang-undang Perkahwinan adalah sebagai berikut:

- a. Bagi orang Indonesia Asli yang beragama Islam berlaku hukum agama yang telah sama diatur di dalam hukum Adat.
- b. Bagi orang-orang Indonesia Asli lainnya berlakulah hukum Adat;
- c. Bagi orang-orang Indonesia asli yang beragama Kristen berlaku Huwelijks Ordonantie Christen Indonesiers (Stbld. 1933 No. 74);
- d. Bagi orang Timur Asing Cina dan warga negara Indonesia keturunan Cina berlaku Ketentuan-ketentuan Kitab Undang-undang Hukum Perdata dengan sedikit perubahan;
- e. Bagi orang Timur Asing lain-lainya dan warganegara Indonesia keturunan Timur Asing lainnya tersebut berlakulah hukum mereka;
- f. Bagi orang-orang Eropah dan warga negara Indonesia keturunan Eropah dan yang disamakan dengan mereka berlaku Kitab Undang-undang Hukum Perdata.<sup>2</sup>

Untuk lebih jelas tentang hukum perkahwinan di Indonesia sekarang ini, penulis perlu menyetengahkan tentang Sejarah Terbentuknya Undang-undang No 1/1974, Peruntukan Undang-undang No 1/1974 Dalam Peraturan Pelaksanaan Di Indonesia dan Arti Serta Tujuan Perkahwinan Menurut Undang-undang No 1/1974 Di Indonesia.

### 3.2.1 Sejarah Terbentuknya Undang-undang No I/1974

Sebelum lahirnya Undang-undang No I/1974 tentang perkahwin, sudah ada peraturan perundangan yang mengatur tentang perkahwinan di Indonesia sebagaimana halnya tersebut di atas, namun demikian pemerintah Indonesia mulai merintis ke arah terbentuknya sebuah Undang-undang tentang perkahwinan iaitu pada tahun 1950 dengan membentuk sebuah Panitia Penyelidik Peraturan dan Hukum Perkahwinan, Talaq dan Rujuk, serta membentuk suatu Rancangan Undang-undang (RUU) yang sesuai dengan perkembangan dan perubahan pada saat itu.

Beberapa tahun kemudian setelah mengalami berbagai perubahan dan perkembangan manusia pada saat itu, panitia tersebut dapat menyelesaikan sebuah Rancangan Undang-undang (RUU), tentang perkahwinan untuk umat Islam tetapi Rancangan Undang-undang tersebut menjadi gagal lantaran keluarnya Dekrit Presiden tanggal 5 Juli 1959. Setelah itu antara tahun 1960 dan 1963, di Indonesia pernah membuat pertemuan untuk membicarakan tentang hukum perkahwinan dan perundang-undangan diantaranya adalah:

1. Musyawarat Nasional kesejahteraan keluarga yang diadakan oleh Departemen Sosial pada tahun 1960;
2. Konperensi Badan Penasehat Perkahwinan dan Penyelesaian Perceraian (B.P.4) pusat, yang diselenggarakan oleh Departemen Agama pada tahun 1962;

3. Seminar hukum nasional yang diselenggarakan oleh lembaga Pembinaan Hukum Nasional (L.P.H.N) bersama dengan Persatuan Sarjana Hukum Di Indonesia (Persahi) pada tahun 1963.<sup>3</sup>

Sementara itu ada beberapa organisasi dalam masyarakat Indonesia supaya dibentuk kembali Rancangan Undang-undang (R.U.U) tentang perkahwinan, diantaranya adalah:

1. Ikakatan Sarjana Wanita Indonesia (ISWI) dalam simposiumnya pada tanggal 29 Januari 1972;
2. Badan Musyawarat Organisasi-organisasi Islam Wanita Indonesia pada tanggal 22 Pebruari 1972.<sup>4</sup>

Kedua-dua organisasi wanita tersebut di atas mendesak kepada pemerintah supaya meninjau kembali tentang Rancangan Undang-undang (R.U.U) yang telah dibentuk oleh Panitia Penyelidik Peraturan dan Hukum Perkahwinan di Indonesia yang belum disetujui oleh Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) pada saat itu.

Setelah beberapa sesi pembentukan Undang-undang tersebut, maka pada tahun 1973 tepatnya tanggal 31 July 1973 pemerintah menyampaikan Rancangan Undang-undang (R.U.U) tentang perkahwinan baru itu kepada Dewan Perwakilan Rakyat (DPR)

Dan pada tahun 1974, tepatnya tanggal 2 Januari 1974, cita-cita rakyat Indonesia terkabul dan menjadi kenyataan dengan disahkannya Undang-undang

perkahwinan No I/1974. Dan Undang-undang perkahwinan No I/1974 ini, mulai berlaku secara efektif pada tanggal 1 Oktober 1975.

### **3.2.2 Peruntukan Undang-undang No I/1974 Dalam Peraturan Pelaksanaan Di Indonesia**

Dalam masalah peruntukan Undang-undang No I/1974 tentang perkahwinan, ini merupakan suatu hal yang sangat penting pelaksanaannya. Mengenai pelaksanaan Undang-undang No I/1974, hal ini telah dijelaskan didalam pasal 67 yang menyatakan bahawa:

1. Undang-undang ini mulai berlaku pada tanggal diundangkannya, yang pelaksanaannya secara lebih efektif lebih lanjut akan diatur dengan Peraturan Pemerintah;
2. Hal-hal dalam Undang-undang ini merupakan pengaturan pelaksanaan, diatur lebih lanjut dengan Peraturan Pemerintah.<sup>5</sup>

Dari ketentuan pasal 67 tersebut di atas dapat kita ambil suatu kesimpulan bahawa, Undang-undang tersebut sebenarnya sudah berlaku sejak pengundagannya pada tanggal 2 Januari 1974, hanya sahaja untuk pelaksanaannya secara efektif akan diatur oleh Peraturan Pemerintah. Hal ini dapat kita pahami kerana memang Undang-undang ini disamping mengatur tentang ketentuan-ketentuan pokok perkahwinan juga dikehendaki ketentuan-ketentuan pelaksanaannya.

Peraturan Pemerintah No 9/1975, diundangkan pada tanggal 1 April 1975 dan peraturan ini dibentuk untuk memenuhi ketentuan-ketentuan di dalam pasal 67 tersebut diatas.

Peraturan Pemerintah No 9/1975, mulai berlaku secara efektif sebagai mana dijelaskan dalam Peraturan Pemerintah pasal 49 yang menyatakan bahwa:

1. Peraturan pemerintah ini mulai berlaku pada tanggal 1 Oktober 1975;
2. Mulai berlakunya peraturan Pemerintah ini, merupakan pelaksanaan secara efektif dari Undang-undang No 1/1974 tentang perkahwinan.<sup>6</sup>

Dengan adanya Peraturan Pemerintah No. 9/1975 pasal 49 tersebut diatas, maka jelas bagi kita bahwa Undang-undang No. 1/1974 tentang perkahwinan mulai berlaku secara efektif ppada tanggal 1 Oktober 1975.

### **3.2.3 Pengertian Perkahwinan Menurut Undang-undang No. 1/1974 Di Indonesia**

Kalau kita tinjau pengertian perkahwinan yang dijelaskan dalam Undang-undang No. 1/1974, pasal 1 ayat 1 menyatakan bahwa:

*“Perkahwinan adalah ikatan lahir batin antara seorang lelaki dengan seorang perempuan sebagai suami isteri dengan tujuan membentuk keluarga bahagia dan kekal berdasarkan ketentuan Syarak”.*<sup>7</sup>



Dari pengertian perkahwinan menurut UU No. 1/1974 pasal 1 ayat 1 tersebut di atas maka penulis berpendapat bahawa pengertian perkahwinan menurut UU No. 1/1974 tidak jauh bezanya dengan pengertian perkahwinan menurut hukum Islam kerana undang-undang ini dibentuk untuk mengatur kemaslahatan hubungan keluarga suami isteri berasaskan kepada ruh hukum Islam itu sendiri, yang menghendaki kemaslahatan dan menghindari kemudaratan yang boleh timbul terhadap kehidupan umat manusia.

Dari pengertian pasal 1 Undang-undang Perkahwinan tersebut di atas maka, yang dimaksud dengan "arti" perkahwinan itu sendiri adalah: "Ikatan lahir batin antara seorang lelaki dengan seorang wanita sebagai suami isteri", sedangkan tujuan perkahwinan itu adalah: "membentuk keluarga atau rumah tangga yang bahagia dan kekal berdasarka ketentuan Syarak".

Tentang defenisi perkahwinan menurut UU No.1/1974 pasal 1 ayat 1 ini adalah sebagai berikut:

1. Dengan adanya ikatan zahir batin yang dipastikan dengan teliti maka perkahwinan ini akan lebih membawa kepada suami isteri bertanggung jawab untuk hidup berumah tangga, andaikata ikatan zahir batin, salah satunya tidak terjalin dengan baik hal ini akan menimbulkan keretakan dalam dalam rumah tangga. Peristiwa seperti ini dapat dirasakan oleh orang yang baru pertama kali melaksanakan perkahwinan.

2. Kalau diperhatikan secara mendalam tentang erti dan tujuan perkahwinan, maka ikatan zahir batin itu sebagai dasar utama dalam membentuk dan membina rumah tangga atau keluarga yang bahagia, sebagaimana yang dimaksud dalam undang-undang perkahwinan, dimana perkahwinan dengan segala kaitannya mempunyai erti yang sangat strategi dan memiliki dampak yang sangat luas.<sup>8</sup>

Terjalannya ikatan lahir dan bathin tentulah merupakan fondasi dalam membentuk dan membina keluarga yang bahagia. Dan ini dapat dirasakan terutama oleh orang yang bersangkutan, untuk tarap permulaan mengadakan perkahwinan, ikatan bathin ini diawali oleh adanya kemauan yang sungguh-sungguh untuk hidup bersama.

Kalau kita perhatikan tujuan perkahwinan yang dimaksud dalam pasal 1 Undang-undang No 1/1974, tersebut di atas, maka penulis berpendapat bahawa perkahwinan itu haruslah berlangsung seumur hidup serta tidak boleh diputuskan begitu sahaja. Dan untuk membentuk keluarga bahagia ini haruslah berdasarkan ketentuan-ketentuan syarak.

### **3.3 Keganasan Rumahtangga Menurut Undang – Undang Di Indonesia**

Didalam rumah tangga yang telah diikat dengan hubungan kekerabatan dan perkahwinan sering kali kita jumpai terjadinya pertengkaran terutama antara suami dan isteri yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada anggota keluarga

yang lain, hal ini terjadi disebabkan oleh bermacam-macam faktor seperti, faktor ekonomi, kurangnya pengetahuan agama, emosi, mencaci, ugatan, menjatuhkan maruah mangsa dan lain sebagainya.

Kalau kita perhatikan kesah-kesah di dalam Islam yaitu, sejarah awal (al-Quran surah, Yusuf ayat 10). Manakala di zaman masyarakat Arab Jahiliyyah, bayi perempuan telah dibunuh hidup-hidup oleh bapanya, manusia menceritakan bagaimana seorang saudara membunuh saudaranya kerana sifat dengki sebagaimana kesah Qabil membunuh Habil (al-Quran, surah al-maidah ayat 30). Begitu juga dalam peristiwa Nabi Yusuf a.s. yang dibuang kedalam perigi oleh saudaranya sendiri kerana perasaan malu yang menebal apabila dikatakan anak perempuan tidak dapat menyumbang suatu yang bernilai kepada keluarga dan kaumnya (al-Quran Surah al-Nahal ayat 58 – 59). Lebih malah apabila kaum wanita itu di anggap sebagai barang dagangan yang boleh dijual beli dan ditukar ganti serta diperbuat apa sahaja atas mereka (al-Quran Surah Al-Nisa ayat 22).

Kalau kita perhatikan kesah-kesah al-Quran tersebut diatas, ini merupakan suatu perbuatan sama sekali tidak dibenarkan dalam Islam. Sebaliknya Islam menganjurkan sifat-sifat dan nilai yang murni lebih lagi dalam kehidupan berumah tangga.

Walaupun dalam al-Quran dengan tegas dan jelas menganjurkan agar kehidupan keluarga dibina atas sifat-sifat menghormati, kasih sayang, toleransi, perbincangan dan sebagainya, namun sampai sekarang ini masalah-masalah perbuatan yang mendatangkan kemudaratan kepada ahli keluarga semakin

meningkat. Kalau kita perhatikan di Indonesia, Undang-undang yang mengatur masalah keluarga bagi umat Islam ini di atur oleh Undang-undang No 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan.

### 3.3.1 Pengertian Keganasan Rumahtangga Di Indonesia

Di Indonesia, perkataan “keganasan” (violence) tidak digunakan tetapi mereka menggunakan perkataan “penganiayaan” atau melukai berat. Hal ini telah dijelaskan didalam Undang-undang Hukum Perdata (Undang-undang sivil) pasal 209 ayat 4, yang menjadi alasan-alasan yang dapat mengakibatkan perceraian adalah sebagai berikut :

“Melukai berat atau penganiayaan, dilakukan oleh si suami atau si isteri terhadap isteri atau suaminya, yang demikian, sehingga membahayakan jiwa pihak yang dilukai atau dianiaya, atau sehingga mengakibatkan luka-luka yang membahayakan”.<sup>9</sup>

Manakala didalam Peraturan Pemerintah No 9 Tahun 1975, pasal 19 ayat 5 juga membicarakan alasan-alasan untuk membubarkan perkahwinan adalah sebagai berikut:

“Salah satu pihak melakukan kekejaman atau penganiayaan berat yang membahayakan terhadap pihak yang lain”.<sup>10</sup>

Dari Pasal-pasal tersebut diatas memberi gambaran bahawa aspek serangan dan kesan fizikal dilihat akibat dari prilaku penganiayaan. Dalam Islam sebarang perbuatan yang mendatangkan kemudaratan adalah tidak dibenarkan.

Bahkan lima perkara mesti dijaga dari sebarang kemudaratan iaitu agama, diri, keturunan, harta, aqal, dan maruah.

Penganiayaan adalah sebarang bentuk perlakuan yang mendatangkan bahaya bukan sahaja dalam bentuk fizikal tetapi melalui apa cara atau teknik yang boleh menyebabkan gangguan mental dan emosi kepada mangsa yang terlibat. Ini bermakna penganiayaan tidak mesti berbentuk fizikal tetapi termasuk gangguan emosi dan mental. Sebagai contohnya seorang bapa memukul anaknya dengan rotan. Apakah tindakan bapa ini akan dianggap sebagai suatu deraan atau hukuman sosial biasa. Oleh sebab itu sekiranya kesan perlakuan tersebut akibat dari perbuatan tersebut adalah di luar batas kemanusiaan serta mendatangkan suatu kecederaan yang parah maka perlakuan yang melampau itu adalah suatu penganiayaan. Umpamanya bagi penderaan fizikal terdapat kesan-kesan lebam, terbakar, retak, penderahan di sekitar tengkorak, kecederaan abdomen dan anggota badan akibat pukulan, tumbukan, terajang, hentaman, tolakan, cekikan, dan lempangan dan menggunakan pisau kaca dan sebagainya. Ini semua adalah gambaran perbuatan bagi maksud penganiayaan atau kecederaan yang parah.

Penderaan emosi pula sukar untuk dilihat dengan mata kasar seperti pengabaian, mencaci ugutan, penafian hak, dan menjatuhkan maruah mangsa. Disamping penderaan ini terdapat satu lagi penganiayaan yang memberikan kesan fizikal dan emosi iaitu penganiayaan seksual. Umpamanya mencabul kanak-kanak atau orang tua, perlakuan seks devian, juga paksaan dan ugutan untuk hubungan seksual sehingga ada elemen penganiayaan. Oleh sebab itu penganiayaan seperti ini sukar untuk dibuktikan di makamah, maka untuk

mencegah perbuatan ini sangat dibutuhkan nasehat para ahli perubatan, pakar kaunseling dan nasehat agama.

### **3.3.2 Penganiayaan (Keganasan Rumahtangga) Dalam Masyarakat**

Masalah penganiayaan rumah tangga bukanlah merupakan suatu kes yang baru. Tetapi hal ini telah lama dibicarakan tanpa mengira latar belakang individu dan kedudukan keluarga. Biasanya penganiayaan ini boleh terjadi oleh sesiapa dan kepada sesiapa sahaja dalam sebuah rumah tangga. Dan penganiayaan ini berlaku kepada anggota keluarga yang lemah seperti isteri dan anak-anak, penganiayaan ini sering terjadi disebabkan oleh mereka yang lebih kuat, berkuasa, gagah dan domonan dalam keluarga. Bagai manapun suami juga sering juga menjadi mangsa penganiayaan, Cumanya penganiayaan yang berlaku terhadap isteri adalah serius dan mengancam seumur hidupnya jika dibanding dengan penganiayaan yang berlaku kepada suami.

Dalam sejarah awal masyarakat barat suami dibenarkan untuk memukul, menyeksa bahkan membunuh isteri. Di Rom dan Itali, misalnya Undang-undang keluarga telah memperuntukkan bahawa suami adalah ketua mutlak yang berkuasa penuh terhadap isteri dan mereka berada dalam rumah tangganya. Yang demikian mereka dibenarkan untuk melakukan apa sahaja kepada mereka ini. Begitu juga Napoleon Bonaparte yang telah mengkanunkan Kod Sivilnya memperuntukkan bahawa wanita itu adalah harta.

Isu-isu penganiayaan terhadap isteri, sudah menjadi perhatian umum bahkan ini sudah menjadi pembicaraan rasmi diperingkat antar bangsa untuk

menyelesaikan masalah sosial ini. Lebih-lebih lagi penganiayaan ini dilakukan kepada mereka yang lemah seperti isteri dan kanak-kanak.

Sementara itu, perlindungan terhadap kanak-kanak pada umumnya juga telah lama mendapat perhatian di peringkat antarbangsa. Umpamanya Slogan "manusia sewajarnya memberi kanak-kanak hak yang paling baik" telah diumumkan dalam Perisytiharan 10 perkara Mengenai Hak Kanak-kanak di Perhimpunan Umum Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1959. Antara aspek yang ditekankan ialah memberi perlindungan dari pada penyiksaan, penganiayaan dan pengabaian iaitu memberi pendidikan yang secukupnya, pemakanan dan perubatan yang sempurna, Cuma para profesional dan masyarakat agak keberatan untuk mengaku bahawa ibu bapa dan penjaga sendiri mempunyai potensi untuk mendera anak-anak atau jaganya sendiri.<sup>11</sup>

Di Malaysia penganiayaan (keganasan rumahtangga) juga mendapat perhatian masyarakat, hal ini dapat kita lihat dalam laporan akhbar-akhbar harian tempatan. Menurut Raihanah Haji Abdullah.<sup>12</sup> Penganiayaan isteri dan kanak-kanak meningkat dari tahun ketahun, ini dapat dilihat dalam kes-kes kanak-kanak yang disyaki didera dan dianiaya iaitu "Suspected Child Abused and Neglect" (SCAN) yang bertempat di Hospital Kuala Lumpur semenjak tahun 1985, menunjuk kes tersebut meningkat dari tahun ketahun.

Sementara itu, kes-kes penganiayaan isteri yang dilaporkan di Bahagian Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman pula menunjukkan bahawa bangsa yang paling tinggi menjadi mangsa penganiayaan terhadap isteri ialah

bangsa Cina 33.9%, Melayu 29.4% dan India 25.4%. Peratusan yang ditunjuk hanyalah merupakan sebahagian kes-kes yang dilaporkan dari berbagai sektor institusi. Ini adalah kerana kes-kes penganiayaan biasanya dilaporkan kepada jabatan Kebajikan Masyarakat, Hospital Kuala Lumpur, Pejabat-pejabat Ugama Negeri, pihak Polis dan juga Pertumbuhan-pertumbuhan bukan Kerajaan (NGO), oleh kerana kes-kes ini dilaporkan pelbagai Institusi, maka jumlah yang tepat tidak dapat ditunjukkan terutamanya yang melibatkan kumpulan etnik.

Kalau kita tinjau di Indonesia tentang penganiayaan (keganasan rumahtangga), ini kurang mendapat perhatian masyarakat kerana kurang dilaporkan ini disebabkan kerana mereka yang didera oleh suaminya dianggap sebagai hal yang biasa dalam rumah tangga, baik itu penderaan bersifat fizikal mahupun bersifat mental, apalagi penderaan itu dilakukan oleh isteri terhadap suaminya ini jarang dilaporkan kerana mereka yang didera oleh isteri dianggap tidak mempunyai sifat kelakian kerana seorang lelaki itu sepatutnya seorang yang fizikalnya kuat, kasar, gagah dan dominan jika dibandingkan dengan wanita yang lebih dikenali dengan sifat-sifat lembut, lemah dan menyerah.

Sementara itu penderaan terhadap kanak-kanak inipun jarang dibincangkan dalam masyarakat, kerana masyarakat menganggap kanak-kanak merupakan suatu kewajipan bahagi orang tua untuk memelihara dan menjaganya serta melengkapinya dengan keperluan, baik itu keperluan fizikal seperti keperluan makanan, pakaian, permainan mahupun yang lainnya, ataupun keperluan mental seperti keperluan pendidikan baik itu pendidikan agama maupun pendidikan umum lainnya atau perlindungan kanak-kanak yang timbul dari ancaman luar.



Untuk mengetahui penganiayaan terhadap isteri dan kanak-kanak. (lihat bab V halaman 189 – 191)

### 3.3.3 Peruntukan Undang-undang

Di berapa buah negara, telah dibentuk Undang-undang khusus yang mengatur tentang penganiayaan (keganasan Rumahtangga). Antara Undang-undang khusus yang dilaksanakan itu adalah England, Domestic Violence and Matrimonial Proceedings Act 1979, New Zeland, Domestic Violence Act 1982, Australia, Domestic Violence Ordinance 1986 dan juga Malaysia, Domestic Violence Act 1994. Tetapi beberapa negara lain tidak ada atau belum menggubal satu Undang-undang khusus yang mengatur tentang penganiayaan (keganasan Rumahtangga), namun ini tidak bermakna masalah sosial tersebut tidak berlaku. Di Indonesia umpamanya penganiayaan (keganasan rumahtangga) berlaku dalam masyarakat tidak ada undang undang khusus yang mengatur dan melindungi mangsanya.

Di Indonesia, segala kesalahan yang dikategorikan sebagai penganiayaan (keganasan rumahtangga) terhadap isteri dan kanak-kanak menggunakan peruntukan Undang-undang Perkahwinan No.I Tahun 1974 dan Peraturan Pemerintah No 9 Tahun 1975 serta Undang-undang Hukum Perdata (Undang-undang Sivill).

Jika sekiranya penganiayaan (keganasan rumahtangga) berlaku terhadap isteri, maka tidak ada Undang-undang khusus serta melindungi mangsa dera tersebut tetapi hal ini dapat diselesaikan dengan Undang-undang No.I Tahun 1974

dan Peraturan Pemerintah No.9 Tahun 1975 bagi orang-orang Islam. Manakala bagi orang yang bukan Islam maka mereka tertakluk dengan Undang-undang Hukum Perdata (Undang-undang Sivil).

Undang-undang Perkahwinan No.1 Tahun 1974 dan Peraturan Pemerintah No.9 Tahun 1975, dapat menangani masalah penganiayaan (keganasan rumahtangga) melalui Pengadilan Agama. Ini bermakna Pengadilan Agama mempunyai kuasa untuk menyelesaikan serta menegah suami melakukan penganiayaan terhadap isteri dalam rumahtangga. Dan Pengadilan Agama dapat membuat perintah tegahan apabila isteri membuat gugatan (permohonan) perceraian tersebut, tetapi apabila gugatan (permohonan) perceraian ini tidak diajukan di Pengadilan Agama, maka tegahan tidak dapat dilaksanakan.

Sekalipun terdapat peruntukan yang demikian, ramai isteri yang terlibat dengan persoalan ini lebih rela melakukan pembubaran perkahwinannya dan pembubaran perkahwinan ini merupakan suatu jalan keluar kepada isteri yang teraniaya. Samada pembubaran perkahwinan melalui perintah Pengadilan Agama talaq taalik atau fasakh. Peraturan Pemerintah No.9 Tahun 1975 pasal 19, memperuntukkan bahawa isteri berhak untuk mendapat suatu perintah membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh berdasarkan satu atau lebih alasan yang disenaraikan dalam Undang-undang tersebut.

Pengadilan Agama Indonesia boleh mengeluarkan perintah perlindungan interim yang bertujuan untuk menghalang dari berlakunya penganiayaan (keganasan rumahtangga) tersebut. Perintah ini dikeluarkan sementara menunggu

penyiasatan dan akan terhenti kuat kuasanya sebaik sahaja selesai penyiasatan. Perintah perlindungan ini bertujuan untuk melindungi mangsa keganasan dari terus didera. Bahkan perlindungan itu termasuk mengeluarkan pendera dari tempat kediaman, menghalang pendera dari berhubungan dengan mangsa seperti menyekat diri dari memasuki rumah kediaman dan tempat kerja selama perkara sedang dijalankan. Ini bermakna perlindungan dari melakukan penganiayaan memperlihatkan bahawa mereka yang terlibat dengan perkara ini tidak akan tinggal bersama untuk suatu waktu yang telah ditetapkan oleh Pengadilan Agama. Dan keadaan ini nampaknya bahawa penganiayaan ini lebih mirip kepada penganiayaan berbentuk fizikal seperti serangan, sentuh, ugatan, pukulan, tamparan, tendangan dan lain sebagainya. Yang demikian adalah wajar untuk memisahkan mereka agar penganiayaan tersebut tidak berlaku berulang kali. Walaupun peruntukan tersebut tidak menyatakan penganiayaan fizikal, namun demikian pada hakekatnya kes-kes penganiayaan fizikallah yang banyak dilaporkan dan sangat senang untuk dibuktikan. Dengan itu, adalah wajar untuk melindungi mangsa penganiayaan fizikal sebagai mana yang diperuntukan agar penganiayaan itu tidak akan berulang lagi. Pada hakekatnya suatu penganiayaan itu akan berulang dan kebanyakan mangsa dera akan membuat aduan setelah mereka menjadi mangsa. Dengan kata lain penganiayaan itu telah menjadi serius barulah isteri tersebut membuat pengaduan.

Pengadilan Agama boleh juga mengeluarkan perintah tambahan atau satu perintah bagi menggantikan perintah perlindungan interim kepada pihak-pihak yang terlibat dalam perkara itu dirujuk kepada badan pendamai, psikoterapi, kounseling perdamaian, termasuk juga jabatan Hal Ehwal Agama Islam.

Yang jelas di Indonesia sekarang ini, Undang-undang yang ada belum cukup untuk melindungi serta membendung penganiayaan (keganasan rumahtanga), kerana Undang-undang tersebut tidak secara khusus membincang serta mengatur tentang penganiayaan (keganasan rumahtangga).

### **3.4 Asas-asas Hukum Perkahwinan Menurut Undang-undang Perkahwinan di Indonesia**

Apabila terjadi suatu perkahwinan sangat diperlukan suatu peraturan atau ketentuan-ketentuan yang menjadi asas dari terjadinya suatu perkahwinan.

Dalam hal prinsip atau asas-asas hukum perkahwinan di Indonesia ini telah diatur di dalam penjelasan umum UU No.1/1974.

- a. Tujuan perkahwinan adalah membentuk keluarga yang bahagia dan kekal, untuk itu suami isteri perlu saling membantu dan melengkapi, agar masing-masing dapat mengembangkan kepribadiannya membantu dan mencapai kesejahteraan spritual dan material.
- b. Dalam undang-undang ini dijelaskan bahawa suatu perkahwinan adalah sah bilamana dilakukan menurut hukum masing-masing agamanya dan kepercayaannya itu, dan disamping itu tiap-tiap perkahwinan harus dicatat menurut peraturan-peraturan perundang-undangan yang berlaku.

- c. Undang-undang ini menganut asas monogami, hanya apabila dikehendaki oleh yang bersangkutan, kerana hukum dan agama dari yang bersangkutan mengizinkan seorang suami dapat beristeri lebih dari seorang.
  
- d. Undang-undang ini (UU No.1/1974 dan PP No. 9/1975) menganut prinsip bahawa calon suami isteri itu harus telah masak jiwa raganya untuk dapat melangsungkan perkahwinan, agar supaya dapat mewujudkan tujuan perkahwinan secara baik, tanpa berfikir pada perceraian dan mendapat keturunan yang baik dan sehat.
  
- e. Kerana tujuan perkahwinan adalah untuk membentuk keluarga yang bahagia kekal dan sejahtera, maka undang-undang ini menganut prinsip untuk mempersukar terjadinya perceraian.
  
- f. Hak dan kedudukan isteri adalah seimbang dengan hak dan kedudukan suami, baik dalam dalam kehidupan rumah tangga mahupun dalam pergaulan masyarakat sehingga dengan demikian segala sesuatu dalam keluarga dapat dirundingkan dan diputuskan bersama oleh suami isteri.<sup>13</sup>

Kalau kita perhatikan asas-asas perkahwinan tersebut di atas maka dapat kita ketahui bahawa peranan perempuan dalam kehidupan sangat penting kerana fungsinya di dalam masyarakat dan bernegara sangat

menentukan dalam pembinaannya terutama pengaruh terhadap kehidupan berumah tangga sebagai kesatuan terkecil dari masyarakat.

Peranan perempuan sebagaimana yang tersebut di atas adalah selari dengan apa yang dikemukakan oleh Djoko Prakoso dan I Ketut Murtika<sup>14</sup> yang mengatakan bahawa peranan perempuan di dalam pembinaan bangsa dan masyarakat adalah :

1. Dalam kewajiban luhur serta keseimbangan si isteri atau suami hak dan kewajibannya adalah seimbang, bererti sama-sama memikul kewajiban yang luhur untuk menegakkan rumah tangga.
2. Ketentuan ini mengandung erti bahawa di dalam kehidupan keluarga salah satu pihak tidak boleh menentukan beban terhadap pihak yang lain. Maksud dari kedudukan yang seimbang ini adalah seimbang dalam erti menurut sifat dan hakikatnya. Bahawa suami sebagai kepala keluarga yang harus bertanggung jawab kepada baik buruknya keluarga, sedangkan isteri sebagai ibu rumah tangga mengatur dan menata rumah tangga sebaik-baiknya.
3. Mengenai ketentuan batas umur, maka sekarang perempuan tidak dapat melangsungkan perkahwinan sebelum perempuan itu genap berumur 16 tahun. Ini adalah suatu keuntungan bagi diri wanita kerana ada jaminan tidak akan terjadi perkahwinan anak-anak.

4. Undang-undang perkahwinan Indonesia sekarang menganut asas monogami artinya seorang lelaki harus mempunyai seorang isteri, seorang perempuan harus mempunyai seorang suami. Hanya dalam keadaan tertentu sahaja maka lebih dapat kesempatan untuk mengambil isteri lagi dengan syarat tertentu.

### **3.5 Perceraian Menurut UU No.1 Tahun 1974 di Peradilan Agama Indonesia**

Masalah perceraian di Indonesia, merupakan suatu persoalan yang banyak dibincangkan jauh sebelum lahirnya UU No.1/1974, hal ini menjadi perbincangan yang cukup serius dalam masyarakat kerana didapati dalam suatu perkahwinan banyak berakhir dengan perceraian dan ini malah terjadi dengan cara yang mudah. Bahkan ada kalanya perceraian ini terjadi kerana perbuatan sewenang-wenang dari pihak lelaki.

Dalam undang-undang perkahwinan di Indonesia diletakkan suatu asas bahawa tujuan perkahwinan adalah untuk membentuk keluarga yang bahagia, kekal dan sejahtera. Ekoran dari penerapan dan realisasi asas ini, maka perlu dipersukar terjadinya perceraian.

#### **3.5.1 Perceraian**

Pada dasarnya perkahwinan dapat putus apabila terjadi kerana kematian, perceraian atas keputusan hakim, hal ini sesuai dengan pasal 38 menyebutkan bahawa perkahwinan dapat putus kerana:

2. Kematian
3. Perceraian
4. Atas keputusan hakim<sup>15</sup>

UU No. 1/1974 mempunyai prinsip mempersukar terjadinya perceraian hal ini sesuai dengan pasal 39 yang menyatakan bahawa:

1. Perceraian hanya dapat dilakukan di depan sidang pengadilan yang bersangkutan berusaha dan tidak berhasil mendamaikan kedua belah pihak.
2. Untuk melakukan perceraian harus cukup alasan bahawa antara suami isteri itu tidak akan dapat hidup rukun sebagai suami isteri.
3. Tata cara perceraian di depan sidang pengadilan diatur dalam peraturan perundangan tersendiri<sup>16</sup>

Adapun yang dimaksud dengan pengadilan disini adalah pengadilan agama bagi mereka yang beragama Islam dan pengadilan umum (Pengadilan Negeri) bagi yang beragama lain.



Apabila terjadi suatu perceraian di Pengadilan Agama harus mempunyai alasan-alasan yang dapat dijadikan asas untuk perceraian. Hal ini sesuai dengan penjelasan pasal 39 ayat 2 UU no.1/1974, dan pasal 19 PP No. 9/1975 antara lain adalah sebagai berikut:

1. Salah satu pihak berbuat zina atau menjadi pemabuk, pematik, penjudi, dan lain sebagainya yang sukar disembuhkan.
2. Salah satu pihak meninggalkan pihak lain selama dua tahun berturut-turut tanpa alasan yang sah atau kerana hal lain di luar kemampuannya.
3. Salah satu pihak mendapat hukuman penjara lima tahun atau hukuman yang lebih berat setelah perkahwinan berlangsung.
4. Salah satu pihak mendapat cacat badan, atau penyakit yang mengakibatkan tidak dapat menjalankan kewajibannya sebagai suami/isteri.
5. Salah satu pihak melakukan kekejaman atau penganiayaan berat yang membahayakan terhadap pihak yang lain.
6. Antara suami dan isteri terus-menerus terjadi perselisihan dan pertengkaran dan tidak ada harapan akan hidup rukun dalam rumah tangga.<sup>17</sup>

Jadi berdasarkan alasan-alasan tersebut di atas, seorang suami dapat mengajukan surat kepada pengadilan agama yang berisi, pemberitahuan bahawa ia bermaksud akan menceraikan isterinya, dan dia sendiri yang melakukan perceraian tersebut dengan menjatuhkan talaq di depan sidang pengadilan agama.

UU Perkahwinan Indonesia mengakui bahawa talaq itu adalah hak suami, yang bererti sesuai pula dengan hukum Islam. Hanya hak talaq ini digunakan di depan sidang pengadilan agama dan tidak seperti sebelumnya, hak talaq dapat digunakan disebarang tempat.

Menurut hukum Islam hak talaq ada di tangan suami walaupun hak itu dimungkinkan juga oleh hukum berada di tangan hakim.

Selama berlangsungnya perkara persidangan di pengadilan sesuai dengan pasal 24 ayat 2 pengadilan dapat menentukan :

1. Menentukan nafkah yang harus ditanggung oleh suami
2. Menentukan hal-hal yang perlu untuk menjamin pemeliharaan dan pendidikan anak.
3. Menentukan hal-hal yang perlu untuk menjamin terpeliharanya barang-barang yang menjadi hak bersama suami/isteri atau barang-barang yang menjadi hak suami atau barang-barang yang menjadi hak isteri.<sup>18</sup>

### 3.5.2 Perdamaian

Dalam hal perdamaian ini memang sangat layak dan penting dimuat dalam perkara perceraian, kerana memang mungkin perkara perceraian itu tidak terjadi, disamping memang dalam hukum acara perdata usaha mendamaikan oleh pengadilan terhadap yang berperkara juga diatur dan ini merupakan suatu hal yang sangat penting.

Di Pengadilan Agama Indonesia telah ditentukan bahawa sebelum dan selama perkara gugatan belum diputuskan, pengadilan berusaha untuk mendamaikan kedua belah pihak yang berperkara.<sup>19</sup> Apabila tercapai suatu perdamaian, tidak dapat diajukan gugatan perceraian baru berdasarkan alasan atau alasan-alasan yang ada sebelum perdamaian dan telah diketahui oleh penggugat pada waktu dicapainya perdamaian.

Perdamaian menurut pasal 39 ayat 1 UU No.1/1974 jo pasal 31 ayat 2 dan pasal 33 PP No. 9/1975, dapat dilakukan oleh hakim pada setiap sidang pemeriksaan, kerana itu usaha untuk mendamaikan suami isteri yang sedang dalam pemeriksaan perkara perceraian tidak terhad pada sidang pertama sebagaimana yang dilakukan dalam perkara perdata di Indonesia, kerana pengadilan harus melakukan perdamaian pada setiap saat sepanjang

perkara itu belum diputuskan oleh pengadilan, jadi usaha untuk mendamaikan suami isteri dilakukan sewaktu perkara disidangkan, bukan sebelum perkaranya disidangkan (diperiksa).

Dalam hal cerai talaq usaha perdamaian antara suami isteri juga dilakukan oleh hakim dalam sidang sebelum suami menjatuhkan talaq kepada isterinya di depan sidang pengadilan. Dalam hal mendamaikan kedua belah pihak pengadilan dapat meminta bantuan kepada orang atau badan lain yang dianggap perlu, kalau usaha perdamaian ini tidak berhasil, maka sidang pengadilan hanya menyaksikan talaq yang dijatuhkan oleh suami itu kepada isterinya dan untuk ini ketua pengadilan agama membuat surat keterangan tentang terjadinya perceraian tersebut.<sup>20</sup>

### **3.5.3 Putusan Hakim**

Dalam hal putusan hakim biasanya pemeriksaan perkara gugatan perceraian dilakukan dalam sidang tertutup, tetapi pengucapan putusan harus dilakukan dalam sidang terbuka.

Untuk menjatuhkan putusan dalam perkara gugatan perceraian yang berdasarkan alasan bahawa antara suami dan isteri terus-menerus terjadi perselisihan dan pertengkaran dan tak ada harapan untuk hidup rukun lagi dalam rumah tangga, pengadilan agama harus meneliti sebab-sebab

perselisihan dan pertengkaran, setelah itu Pengadilan Agama juga harus mempertimbangkan apakah hal itu memang sungguh-sungguh berpengaruh dan prinsipil bagi keutuhan kehidupan suami isteri.<sup>21</sup> Untuk itu perlu didengar keterangan pihak keluarga serta orang-orang yang dekat dengan suami isteri itu.

Dalam hal gugatan yang berdasarkan alasan kerana suami atau isteri mendapat hukuman lima tahun atau hukuman yang lebih berat. Penggugat harus menyerahkan salinan putusan pengadilan yang memutuskan perkara itu dengan disertai keterangan yang menyatakan bahawa putusan itu telah mempunyai kekuatan hukum yang tetap.<sup>22</sup>

Mengenai pendaftaran putusan hakim ini merupakan suatu hal yang sangat penting dalam perceraian perkahwinan yang perkahwinannya dilangsungkan menurut agamanya dan kepercayaannya itu selain agama Islam. Ini dijelaskan dalam pasal 34 ayat 2 PP No. 9/1975 yang menyatakan bahawa:

*"Suatu perceraian dianggap terjadi beserta segala akibat-akibatnya terhitung sejak surat pendaftarannya pada daftar pencatat oleh pegawai pencatat kecuali bagi mereka yang beragama Islam terhitung sejak jatuhnya putusan pengadilan agama yang telah mempunyai kekuatan hukum yang tetap."<sup>23</sup>*

Putusan yang didaftarkan adalah putusan yang telah mempunyai kekuatan hukum<sup>24</sup>. Hal ini dijelaskan dalam pasal 35 ayat 1 menyatakan bahawa:

*"Panitera pengadilan atau pejabat pengadilan yang ditunjuk berkewajiban mengirimkan satu helai salinan putusan pengadilan sebagaimana dimaksud dalam pasal 34 ayat 1 yang telah mempunyai kekuatan hukum yang tetap yang telah dikukuhkan, tanpa bermeterai kepada pegawai pencatat di tempat perceraian itu terjadi dan pegawai pencatat mendaftarkan putusan perceraian dalam sebuah daftar yang diperuntukkan untuk itu."<sup>25</sup>*

### 3.6 Akibat Perceraian

Tentang akibat perceraian ini telah diatur dalam UU No. 1/1974 pasal 41 sebagai berikut:

- a. Baik ibu atau bapak tetap berkewajiban memelihara dan mendidik anak-anaknya semata-mata berdasarkan kepentingan anak, pengadilan memberi keputusannya
- b. Bapak bertanggung jawab atas semua biaya pemeliharaan dan pendidikan yang diperlukan untuk itu, bilamana bapak dalam kenyataan tidak dapat memenuhi kewajiban tersebut pengadilan dapat menentukan bahawa ibu ikut memikul biaya tersebut.

- c. Pengadilan dapat mewajibkan kepada bekas suami untuk memberikan biaya penghidupan dan atau menentukan suatu kewajiban bagi bekas isteri.<sup>26</sup>

Mengenai pasal 41 ayat 1 undang-undang perkahwinan menjelaskan bahawa kewajiban memelihara anak-anak dan pendidikan mereka terletak pada ayah dan ibu.<sup>27</sup> Perselisihan tentang kekuasaan orang tua diputuskan oleh hakim (pasal 41 ayat 2). Ayah secara tegas dibebani kewajiban menanggung semua biaya hidup dan pendidikan, hanya kalau si ayah tidak mampu, hakim dapat mewajibkan si ibu ikut menanggung biayanya. Tidak diragukan bahawa di sini telah dijelaskan suatu asas yang sah dan penting menurut hukum. Pada yurisprudensilah diserahkan pelaksanaannya secara praktis, sudah pasti, bahawa hubungan-hubungan dalam hal orang yang berurusan dengan soalan-soalan yang berlaku di daerah-daerah yang mempunyai sistem kekeluargaan unilateral akan lebih rumit.

Tentang pasal 41 ayat 3 UU Perkahwinan telah memberi wewenang kepada pengadilan-pengadilan untuk mewajibkan bekas suami agar memberi santunan ongkos-ongkos (sara hidup) kepada isterinya, bukankah menurut syariat Islam si suami diharapkan memberi nafkah kepada isterinya selama masa iddah (sehabis talaq) dan seandainya ia telah menjadi hamil, setelah persalinan (jadi masa *‘iddah* adalah selama empat bulan dan sepuluh hari). Ini merupakan kedudukan hukum yang baik untuk isteri yang telah diatur dalam undang-undang.

Mengenai pasal 41 tersebut di atas, menurut M. Jamil Latif<sup>28</sup> beliau juga menjelaskan bahawa akibat-akibat perceraian itu adalah:

### **3.6.1 Mengenai Hubungan Suami Isteri.**

Hubungan suami isteri adalah sudah jelas bahawa akibat pokok dari perceraian perkahwinan, persetubuhan menjadi tidak boleh lagi, tetapi mereka boleh kahwin kembali sepanjang ketentuan hukum masing-masing agama dan kepercayaannya itu. Dalam perceraian itu dibolehkan rujuk menurut ketentuan-ketentuan hukum agama Islam. Usaha rujuk seorang suami kepada isterinya dapat dilakukan. Akan tetapi menurut pasal 42 ayat 3 UU No.1/1974, pengadilan dapat mewajibkan kepada bekas suami untuk memberi biaya penghidupan sama ada menentukan sesuatu kewajipan ini tentu berdasarkan hukum masing-masing agama dan kepercayaannya itu.

Islam memperingatkan suami isteri untuk tidak saling melanggar batas antara mereka. Islam mewajibkan antara mereka untuk selalu bertakwa kepada Allah dalam kehidupan mereka. Setelah itu Islam membentangkan jalan atau kaedah yang sangat baik untuk menghindari daripada perceraian, yang menyebabkan kehidupan rumah tangga tidak tenteram.

Sesungguhnya seorang suami yang mengabaikan kewajipan atas dirinya yang berkenaan dengan isterinya, maka dia bertanggungjawab di depan agama dan pengadilan untuk mempertanggungjawabkan pengabaian ini. Dan jika



pengabaian ini kembali kepada dirinya sendiri, maka secara hukum, isteri tidak wajib melakukan atau berusaha memperbaiki terhadap pengabaian pribadi suaminya.

### 3.6.2 Mengenai Anak.

Menurut pasal 41 ayat 1 dan 2 baik ibu atau bapak berkewajiban memelihara dan mendidik anak-anaknya semata-mata demi kepentingan anak, di mana bapak bertanggung jawab atas semua biaya pemeliharaan dan pendidikan yang diperlukan anak-anak itu. Akan tetapi bilamana bapak dalam kenyataannya tidak dapat memenuhi kewajiban tersebut pengadilan dapat menentukan bahawa ibu dapat ikut memikul biaya tersebut, kecuali itu pengadilan dapat pula memberi keputusan tentang siapa di antara mereka berdua yang menguasai anak yakni memelihara dan mendidiknya. Apabila ada perselisihan antara keduanya keputusan pengadilan dalam hal ini tentu juga didasarkan kepada kepentingan anak.

Di dalam konsep atau istilah hukum Islam, tentang penjagaan terhadap anak yang belum akil balig disebut *hadlanah* ( memelihara dan mengasuh ). Bila terjadinya perceraian, maka muncullah persoalan siapakah yang berhak menjaga atau mengasuh anak dari kedua belah pihak. Dalam kaitan ini keempat Imam Mazhab sepakat bahawa ibunyalah yang berhak memelihara dan mengasuh anak-anak yang dibawah umur tersebut. Jika anak-anak sudah dewasa (akil balig) mereka sendiri berhak menentukan dimana ia suka tinggal.

### 3.6.3 Mengenai Harta Benda

Mengenai harta benda, ini telah dijelaskan dalam pasal 35 UU No. 1/1974, harta benda dalam perkahwinan ada yang disebut dengan harta bersama yakni harta benda yang diperoleh selama perkahwinan berlangsung disamping itu ada yang disebut dengan harta bawaan dari masing-masing suami dan isteri serta harta yang diperolehi masing-masing sebagai hadiah atau warisan sepanjang para pihak tidak menentukan lain.

Jika selama perkahwinan diperolehi harta, maka harta ini adalah harta sirkah, iaitu harta bersama yang menjadi milik bersama dari suami isteri. Kerana dalam Islam ada harta suami isteri yang terpisah(tidak bercampur) dan harta kekayaan yang tidak terpisah(bercampur).

Dalam hal harta kekayaan yang terpisah, masing-masing dari suami dan isteri berhak dan berwenang atas harta kekayaannya masing-masing. Suami tidak berhak atas harta isterinya, kerana kekuasaan isteri terhadap hartanya tetap ada dan tidak berkurang sebab perkahwinan.

### 3.6.4 Waktu Tunggu.

Apabila terjadi perceraian dalam suatu perkahwinan maka bagi seorang perempuan yang putus perkahwinan tersebut berlaku jangka waktu tunggu, waktu tunggu ini dalam Islam disebut *'iddah*, pasal 11 ayat 1 menjelaskan

bahawa: bagi seorang perempuan yang putus perkahwinannya berlaku jangka waktu tunggu.<sup>29</sup> Dengan demikian seorang perempuan yang putus perkahwinannya tidak boleh begitu sahaja kahwin lagi, tetapi harus menunggu beberapa waktu sampai "waktu tunggu" itu habis. Pasal 39 ayat 1 PP No.9 /1975 menentukan waktu tunggu seorang janda sebagai yang dimaksud dalam pasal 11 ayat 2 UU No. 1/1974 menjelaskan bahawa:

1. Apabila perkahwinan putus kerana kematian, waktu tunggu ditetapkan 130 hari.
2. Apabila perkahwinan putus kerana perceraian, waktu tunggu ditetapkan tiga kali suci, dengan sekurang-kurang 90 hari, dan bagi yang tidak datang bulan ditetapkan 90 hari.
3. Apabila perkahwinan putus sedangkan janda tersebut dalam keadaan hamil, maka waktu tunggu ditetapkan sampai melahirkan.<sup>30</sup>

Waktu tunggu tersebut di atas, menurut pasal 39 ayat 3 mulai dihitung sejak jatuhnya putusan pengadilan yang mempunyai kekuatan hukum yang tetap bagi perkahwinan yang putus kerana perceraian, dan sejak kematian suami, bagi perkahwinan yang putus kerana kematian. Bagi janda yang putus kerana perceraian sedang antara janda tersebut dengan bekas suaminya belum pernah terjadi hubungan kelamin, dalam hal ini pasal 39 ayat 3 ini juga menyatakan tidak waktu tunggu baginya.

Waktu tunggu ini sangat penting sekali kerana menyangkut kelangsungan perkahwinan selanjutnya, juga menyangkut rujuk bagi yang beragama Islam.

Di Indonesia, rujuk itu harus dengan ucapan dan dipersaksikan, dan tidak memerlukan campur tangan Pengadilan Agama. Akan tetapi kalau ada perselisihan tentang apakah rujuk itu benar-benar telah diucapkan atau apakah rujuk itu sah atau tidak, maka perlu ada keputusan Pengadilan Agama. Keputusan Mahkamah Tinggi tanggal 6 September 1960 No. 42 tentang berkumpulnya dan bersetubuhnya suami dan isteri setelah talaq dalam 'iddah raj'i, tidaklah menjadi rujuk yang sah, kerana tidak mengucapkan kata-kata rujuk, meskipun kerana bersetubuh itu telah mendapatkan tiga orang anak. Ini menunjukkan bahawa rujuk di Indonesia harus dengan kata-kata tidak sah dengan perbuatan.

### **3.7 Prosedur Cerai Talaq dan Cerai Gugat di Peradilan Agama Indonesia.**

Di lingkungan Peradilan Agama Indonesia dikenal dua sifat atau corak mengajukan permintaan pemeriksaan perkara kepada pengadilan. Yang pertama dikenal dengan "permohonan". Yang kedua dikenal dengan "gugatan". Dalam bahasa sehari-hari istilah gugatan ini sering disebut dengan "gugat permohonan".<sup>31</sup>

Di Indonesia orang-orang yang berperkara ini dikenal dengan penggugat dan tergugat. Adapun yang dimaksud dengan penggugat adalah

orang yang menuntut hak perdatanya di muka pengadilan perdata. Penggugat ini disebut *eiser* (Belanda) atau *al-mudafy* (Arab).<sup>32</sup> Sedangkan yang dimaksud dengan tergugat adalah lawan dari penggugat iaitu orang yang dituntut hak perdatanya ke muka pengadilan. Ini disebut juga dengan *gedagde* (Belanda) atau *al-mudfa alaih* (Arab).<sup>33</sup>

Dalam hal tergugat dan penggugat mungkin secara persendirian dan mungkin juga secara gabungan dari beberapa orang sehingga di Indonesia muncullah istilah dengan penggugat 1, penggugat 2, penggugat 3, dan seterusnya, juga mungkin memakai kuasa sehingga ditemui suatu istilah kuasa penggugat 1, kuasa penggugat 2, dan seterusnya, begitu pula halnya dengan tergugat yang dikenal dengan istilah tergugat 1, tergugat 2, dan seterusnya, kemudian kuasa tergugat 1, kuasa tergugat 2, dan seterusnya.

Gabungan penggugat atau gabungan tergugat seperti di atas disebut dengan "komulasi subjektif" ertinya subjek hukum yang bergabung dalam berperkara.<sup>34</sup>

Bertitik tolak dari huraian di atas, maka perlu diketahui tentang tata cara memasukkan gugatan, tata cara cerai talak, tata cara cerai gugat di Peradilan Agama Indonesia.

### 3.7.1 Tata Cara Memasukkan Gugatan

Adapun tata cara memasukkan surat gugatan, ini telah dijelaskan dalam pasal 119 HIR atau pasal 143 RBG di antaranya adalah:

1. Permohonan ditujukan kepada ketua pengadilan. Permohonan atau gugatan “dialamatkan” kepada Ketua pengadilan dengan permintaan agar pengadilan:
  - a. Menentukan hari persidangan.
  - b. Memanggil penggugat dan tergugat.
  - c. Memeriksa perkara yang diajukan penggugat kepada tergugat.
3. Permohonan disampaikan kepada kepaniteraan pengadilan. Walaupun gugatan disampaikan kepada ketua pengadilan tetapi penyampaiannya dimasukkan kepada panitera Pengadilan Agama.
3. Pemohon wajib terlebih dahulu membayar ongkos perkara. Salah satu syarat formil gugatan agar gugatan resmi dapat diterima dan didaftarkan dalam buku register perkara, apabila penggugat telah membayar “panjar” ongkos perkara, selama penggugat belum melunasi panjar ongkos perkara berdasarkan perhitungan yang diperkirakan pengadilan, gugatan tidak boleh didaftarkan dalam buku register perkara, dan perkara dianggap belum ada.<sup>35</sup>

Adapun bentuk-bentuk dan isi surat gugatan secara garis besarnya terdiri dari tiga komponen iaitu :

- a. Identiti pihak-pihak.
- b. Fakta-fakta atau hubungan hukum yang terjadi antara kedua belah pihak, biasanya disebut dengan bahagian-bahagian *posita* (jamak) atau *positum* (tunggal).
- c. Isi tuntutan biasanya disebut bahagian-bahagian *petita* (jamak) atau *petitum* (tunggal)<sup>36</sup>

Identiti pihak-pihak memuat nama berikut gelar atau alias atau julukan, bin/bintinya, umur, agama, pekerjaan, tempat tinggal terakhir dan statusnya sebagai penggugat atau tergugat.

Selanjutnya bahagian yang memuatkan fakta-fakta atau hubungan hukum yang terjadi (bahagian *posita*) hendaknya singkat, kronologis, jelas, tepat dan sepenuhnya terarah untuk mendukung isi tuntutan (bahagian *petita*) nantinya, contohnya isteri menggugat nafkah selama masa *'iddah* dan nafkah anak dari tergugat (suaminya)<sup>37</sup>

Kalimat pertama dari bahagian *posita* berbunyi "duduk perkaranya" yang diletakkan dalam baris tersendiri di tengah-tengah.<sup>38</sup> Kalimat terakhir dari bahagian *posita* biasanya didahului oleh kalimat-kalimat berdasarkan huraian di atas dengan segala kerendahan hati penggugat mohon kepada pengadilan agama untuk sesudah kalimat ini, gugatan masuk ke bahagian *petita*.

Perlu diingat sehubungan dengan *petita* ini, iaitu pengadilan dilarang mengabulkan tuntutan melampaui apa yang dituntut oleh penggugat. Tetapi sebaliknya pengadilan dilarang tidak mengadili semua terhadap apa yang dituntutnya. Walaupun mungkin ada yang dikabulkannya dan ada yang ditolak atau ada yang dikabulkan sebahagian dan ditolak sebahagian yang lainnya.<sup>39</sup>

### 3.7.2 Tata Cara Cerai Talaq.

Cerai talaq adalah salah satu bentuk cara yang dibenarkan memutuskan akad nikah antara suami isteri, tetapi di dalam pengkajian fiqh pengertian cerai talaq ini tak jauh bezanya dengan pengertian yang disebutkan di atas, dalam kamus istilah agama perkataan talaq bererti melepaskan ikatan iaitu melepaskan ikatan perkahwinan dengan mengucapkan secara sukarela ucapan talaq kepada isterinya dengan kata-kata yang jelas atau sarif ataupun dengan kata-kata sindiran atau *kināyah*.<sup>40</sup>

Tetapi berbeza dengan pengertian cerai talaq sebagaimana yang dikemukakan oleh DR. Hammudah 'Abdul al-Ati.<sup>41</sup> Menurutnya talaq adalah semacam perceraian sederhana yang biasa dirujuk atau "simple revocable divorce". Pada asasnya hanya sekedar menyatakan ketidaksenangan dan kekesalan suami semata-mata, bukan mengakhiri perkahwinan. Tapi nyata di dalam masyarakat, talaq telah dijadikan secara efektif untuk memecahkan perkahwinan.



Di Indonesia tata cara cerai talaq prosedurnya dilaksanakan dengan cara seorang suami atau isteri yang bermaksud mentalaq atau menceraikan pasangannya terlebih dahulu ia harus meminta surat pengantar dari desa atau lurah, setelah itu melalui persidangan di pengadilan agama.<sup>42</sup>

Menurut UU No.7/1989 tentang Peradilan Agama di Indonesia pasal 65 paragraf 1 menjelaskan bahawa: perceraian hanya dapat dilakukan di depan sidang pengadilan setelah pengadilan yang bersangkutan berusaha dan tidak berhasil mendamaikan kedua belah pihak.<sup>43</sup>

Cerai talaq ini telah dijelaskan dalam UU No.7/1989 pasal 66 paragraf 2 menyatakan bahawa :

1. Seorang suami yang beragama Islam yang akan menceraikan isterinya mengajukan permohonan kepada pengadilan untuk mengadakan sidang guna menyaksikan ikrar talaq.
2. Permohonan sebagaimana dimaksud dalam ayat 1 diajukan kepada pengadilan yang daerah hukumnya meliputi tempat kediaman termohon, kecuali apabila termohon dengan sengaja meninggalkan tempat kediaman yang ditentukan oleh bersama tanpa izin pemohon.

3. Dalam hal termohon bertempat kediaman di luar negeri permohonan diajukan kepada pengadilan yang daerah hukumnya meliputi tempat kediaman pemohon.
4. Dalam hal pemohon dan termohon bertempat kediaman di luar negeri, maka permohonan diajukan kepada pengadilan yang daerah hukumnya meliputi tempat perkahwinan mereka dilangsungkan atau kepada pengadilan agama Jakarta Pusat.
5. Permohonan soal penguasaan anak, nafkah anak, nafkah isteri dan harta bersama suami isteri dapat diajukan bersama-sama dengan permohonan cerai talaq atau pun sesudah ikrar talaq diucapkan.<sup>44</sup>

Dalam hal tersebut di atas permohonan harus memuat nama, umur, dan tempat kediaman pemohon iaitu suami dan termohon iaitu isteri serta alasan-alasan yang menjadi alasan cerai talaq.

### 3.7.3 Tata Cara Gerai Gugat

Pada asasnya proses pemeriksaan perkara cerai gugat tidak jauh bezanya dengan cerai talaq. Oleh itu dalam huraian mengenai cerai gugat hanya membahas hal-hal yang berlainan dengan cerai talaq.

Kalau upaya cerai gugat dihubungkan dengan tata tertib acara di pengadilan yang diatur dalam hukum acara, cerai gugat pada kenyataannya benar-benar murni bersifat (*contentiosa*). Di dalam perkara perceraian di pengadilan pada dasarnya pihak-pihak sama-sama berdiri sebagai subjek perdata. Isteri sebagai pihak penggugat dan suami sebagai pihak tergugat.

Kalau ditinjau dari segi hukum acara perdata di Indonesia perkara cerai gugat ini pada dasarnya telah terpenuhi persyaratan yang memungkinkan penjatuhan putusan yang mengandung amar "kondemnatoir". Penjatuhan putusan yang mengandung kondemnatoir ini memperbolehkan penggabungan gugatan cerai gugat dengan penguasaan anak, nafkah dan pembahagian harta bersama.

Tetapi lain halnya dengan cerai gugat yang berbentuk khuluk, penyelesaian hukumnya akan diakhiri dengan tata cara cerai talaq seolah-olah kedua bentuk upaya perceraian bertemu, prosesnya mula-mula mengikuti tata cara cerai gugat, tetapi akhir penyelesaian perkaranya diakhiri dengan tata cara cerai talaq.<sup>45</sup>

Menurut hukum Islam khuluk adalah hak isteri untuk mengajukan tuntutan perceraian kepada suami dengan cara suami bersedia menolak isterinya dengan suatu imbalan "pengganti" atau "iwad" misalnya seorang isteri tidak suka lagi kepada suaminya barangkali suami kurang baik akhlaknya, suka minum - minuman keras, atau berjudi. Isteri dapat menuntut

cerai dengan suami dengan membayar atau memberi sejumlah uang atau barang sebagai penebus dirinya.

Tentang cerai gugat ini telah dijelaskan di dalam UU No.7/1989 pasal 73 menyebutkan :

1. Gugatan perceraian diajukan oleh isteri atau kuasanya kepada pengadilan yang daerah hukumnya meliputi tempat kediaman penggugat, kecuali apabila penggugat dengan sengaja meninggalkan tempat kediaman bersama tanpa izin tergugat.
2. Dalam hal penggugat bertempat kediaman di luar negeri, gugatan perceraian diajukan kepada pengadilan yang daerah hukumnya meliputi tempat kediaman tergugat.
3. Dalam hal penggugat dan tergugat bertempat kediaman di luar negeri, maka gugatan diajukan kepada pengadilan yang daerah hukumnya meliputi tempat perkahwinan mereka dilangsungkan atau kepada Pengadilan Agama Jakarta Pusat.<sup>46</sup>

Selanjutnya pasal 77 menjelaskan selama berlangsungnya gugatan perceraian atas permohonan penggugat atau tergugat atau berdasarkan pertimbangan bahaya yang mungkin ditimbulkan, pengadilan dapat mengizinkan suami isteri tersebut untuk tidak tinggal dalam satu rumah<sup>47</sup>.

Dalam hal cerai gugat ini pengadilan dapat menentukan suatu keputusan atas dasar gugatan perceraian dari penggugat, dalam hal ini sesuai dengan ketentuan pasal 78 UU No.7/1989 disebutkan :

Selama berlangsungnya gugatan perceraian, atas permohonan penggugat pengadilan dapat:

- a. Menentukan nafkah yang ditanggung oleh suami.
- b. Menentukan hal-hal yang perlu untuk menjamin pemeliharaan dan pendidikan anak.
- c. Menentukan hal-hal yang perlu untuk menjamin terpeliharanya barang-barang yang menjadi hak bersama suami isteri atau barang-barang yang menjadi hak suami atau barang-barang yang menjadi hak isteri.<sup>48</sup>

### **3.8 Kedudukan dan Bidang Kuasa Peradilan Agama di Indonesia**

Sebelum kita membicarakan tentang kedudukan dan bidang kuasan peradilan agama di Indonesia, terlebih dahulu perlu diketahui makna kata “peradilan”. Peradilan adalah berbeza dengan pengadilan. Kata “pengadilan” menunjukkan kepada suatu susunan instansi (pejabat) yang memutuskan perkara (kes), dalam menjalankan tugasnya melakukan peradilan.

Manakala peradilan adalah satu proses yang berakhir dengan memberi keadilan dalam suatu keputusan.<sup>49</sup> Proses ini diatur dalam suatu peraturan hukum acara.

Jadi peradilan tidak boleh terlepas dari hukum acara pembentukan instansi pengadilan yang terletak dalam bidang hukum tata negara atau tata usaha negara.

Untuk lebih jelasnya penulis perlu mengetengahkan pengertian kedudukan dan bidang kuasa Peradilan Agama di Indonesia.

### **3.8.1 Pengertian Peradilan Agama**

Peradilan Agama adalah sebutan (literatur) rasmi bagi salah satu di antara empat lingkungan peradilan negara (kerajaan) atau bidang kuasa kehakiman yang sah di Indonesia.<sup>50</sup> Tiga peradilan lainnya adalah Peradilan Umum, Peradilan Militer, dan Peradilan Tata Usaha Negara.

Peradilan Agama adalah salah satu di antara tiga peradilan khusus di Indonesia, dua peradilan khusus lainnya adalah Peradilan Militer dan Peradilan Tata Usaha Negara.

Dikatakan peradilan khusus kerana Pengadilan Agama mengadili perkara-perkara (kes-kes) tertentu atau golongan-golongan rakyat tertentu.<sup>51</sup>

Dalam hal ini Peradilan Agama hanya berwenang di bidang perdata tertentu sahaja, bukan dalam kes pidana dan pula hanya untuk orang-orang Islam di Indonesia.

Pengadilan Agama adalah peradilan Islam di Indonesia, sebab dari jenis-jenis perkara yang ia boleh mengadilinya seluruhnya adalah jenis perkara menurut agama Islam.<sup>52</sup>

Sedangkan hukum acara perdata di Peradilan Umum, menurut Prof. R. Wirjono Projudikoro SH, adalah rangkaian peraturan-peraturan yang memuat cara bagaimana orang harus bertindak terhadap dan di muka pengadilan dan cara bagaimana pengadilan itu harus bertindak satu sama lain untuk melaksanakan berjalannya peraturan-peraturan hukum perdata.<sup>53</sup>

Lain halnya pengertian hukum acara Peradilan Umum menurut Prof. Subekti, SH dan R. Tjitro Soedibyo, beliau merumuskan bahawa keseluruhan dari pada ketentuan-ketentuan hukum yang mengatur dengan cara bagaimana tertib hukum perdata dapat ditegakkan dalam hal penegakkan dikehendaki berhubung terjadinya suatu pelanggaran dan bagaimana ia dapat dipelihara dalam suatu tindakan pemeliharaan dikehendaki berhubung terjadinya suatu peristiwa perdata.<sup>54</sup>

### **3.8.2 Kedudukan Peradilan Agama Di Indonesia**

Untuk memahami di mana letak kedudukan Peradilan Agama dalam susunan ketata negaraan Republik Indonesia, perlu kita memperhatikan alat-alat kekuasaan negara Republik Indonesia yang diatur dalam UUD 1945 menurut pasal 1 ayat 2, dimana Kekuasaan tertinggi sebagai pemegang "kedaulatan rakyat" dilakukan sepenuhnya oleh Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR) yang anggotanya terdiri dari anggota (ahli) Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) di tambah unsur daerah dan golongan.

Selanjutnya untuk melakukan kekuasaan negara dalam erti yang luas UUD 1945 menetapkan beberapa badan kekuasaan yang terdiri dari:

1. Kekuasaan pemerintah (eksekutif). Kekuasaan pemerintah dipegang oleh Presiden yang dibantu oleh para menteri negara (kerajaan) yang diangkat dan diberhentikan oleh Presiden.
2. Dewan Pertimbangan Agung (DPA). DPA berkewajiban memberi jawapan atas pertanyaan Presiden. Disamping kewajipan memberi jawapan juga mempunyai hak untuk mengajukan usul kepada pemerintah.
3. Dewan Perwakilan Rakyat (DPR). DPR melaksanakan fungsi pembuatan UU melalui dua jalur:
  - a. Memberi persetujuan terhadap Rancangan Undang-Undang (RUU) yang diajukan oleh badan kekuasaan pemerintahan (presiden) untuk disahkan menjadi Undang-undang.



b. Mengajukan Rancangan Undang-Undang (RUU) yang disetujui oleh DPR untuk disahkan menjadi Undang-Undang oleh Presiden.

4. Badan Pemeriksa Keuangan (BPK) bertugas untuk memeriksa pertanggungjawaban pemerintah atau kerajaan dan berfungsi sebagai badan kekuasaan yang berdiri sendiri terlepas dari pengaruh dan kekuasaan pemerintah.

5. Badan Kekuasaan Kehakiman. Kekuasaan kehakiman ialah kekuasaan yang merdeka, artinya terlepas dari pengaruh dari kekuasaan pemerintah. Kekuasaan sama erti dan tujuannya dengan kekuasaan peradilan atau "yudicial power" yakni kekuasaan yang menjalankan fungsi dan bidang kuasa peradilan guna melaksanakan hukum dan keadilan (rule of law) dalam negara Republik Indonesia.

Adapun badan-badan kekuasaan kehakiman yang akan melaksanakan fungsi dan bidang kuasa peradilan dalam negara Republik Indonesia pasal 10 menetapkan Kekuasaan kehakiman dilakukan oleh pengadilan dalam lingkungan :

1. Peradilan Umum.
2. Peradilan Agama.
3. Peradilan Militer
4. Peradilan Tata Usaha Negara<sup>55</sup>

Untuk memenuhi pelaksanaan ketentuan pasal 10 UU No.14/1970 di lingkungan Peradilan Agama, diundangkanlah UU No.7/1989. Dalam bab I pasal 2 dan bab III pasal 49 ditetapkan tugas bidang kuasa untuk memeriksa, memutuskan dan menyelesaikan perkara-perkara perdata bidang :

1. Perkahwinan
2. Kewarisan, wasiat dan hibah yang dilakukan berdasarkan Islam
3. Wakaf dan sadaqah<sup>56</sup>

Bidang kuasa Peradilan Agama memeriksa, memutus dan menyelesaikan bidang perdata dimaksud sekaligus dikaitkan dengan asas "personaliti" keislaman yakni yang dapat ditundukkan ke dalam kekuasaan lingkungan Peradilan Agama, hanya mereka yang beragama Islam yang melaksanakan kekuasaan kehakiman dalam lingkungan Peradilan Agama dilakukan oleh Pengadilan Agama yang bertindak sebagai peradilan "tingkat pertama" bertempat kedudukan di kota Madya atau ibu Kota Kabupaten. Peradilan "tingkat banding (apel)" dilakukan oleh Pengadilan Tinggi Agama yang bertempat kedudukan di ibukota propinsi (Ibu Negeri).<sup>57</sup>

### **3.8.3 Bidang Kuasa Peradilan Agama Di Indonesia**

Berbicara tentang bidang kuasa peradilan dalam kaitannya dengan hukum Acara Perdata biasanya menyangkut dua hal iaitu tentang "kekuasaan relatif" dan "kekusaan absolut", sekaligus dibicarakan pula di dalamnya

tentang tempat mengajukan gugatan atau permohonan serta jenis perkara yang menjadi kekuasaan pengadilan.

Kekuasaan relatif diartikan sebagai kekuasaan pengadilan yang satu jenis dan satu tingkatan dalam perbedaannya dengan kekuasaan pengadilan yang sama jenis dan sama tingkatan lainnya, misalnya antara Pengadilan Negeri Magelang dengan Pengadilan Negeri Purworejo, antara Pengadilan Agama Muara Enim dengan Pengadilan Agama Batu Raja.<sup>58</sup>

Kekuasaan absolut artinya kekuasaan pengadilan yang berhubungan dengan jenis perkara atau jenis pengadilan atau tingkatan pengadilan dalam perbedaan jenis perkara atau jenis pengadilan atau tingkatan pengadilan lainnya misalnya: Pengadilan Agama berkuasa atas perkara perkahwinan bagi mereka yang beragama Islam, sedangkan bagi yang selain Islam menjadi kekuasaan Peradilan Umum.<sup>59</sup>

Pengadilan Agama yang berkuasa memeriksa dan mengadili perkara dalam tingkat pertama, tidak boleh langsung berperkara di Pengadilan Tinggi Agama atau Mahkamah Agung.

Untuk memperoleh gambaran yang lebih jelas mengenai bidang kuasa Peradilan Agama akan penulis coba gambarkan dimana bidang kuasa dihubungkan dengan empat hal ialah :

1. Bidang kuasa dalam hubungannya dengan *tentoir* atau daerah.

2. Bidang kuasa dalam hubungannya dengan *person* atau manusia
3. Bidang kuasa dalam hubungannya dengan substansi atau materi
4. Bidang kuasa dalam hubungannya dengan waktu<sup>60</sup>

Ad.1. Teritori yang menjadi bidang kuasa Peradilan Agama seluruh Wilayah Republik Indonesia.

Ad.2. Person atau manusia yang termasuk bidang kuasa Peradilan Agama untuk dapat diadili jika ada sengketa ialah seluruh warga negara Indonesia yang beragama Islam.

Ad.3. Substansi atau materi. Apa yang menjadi bidang kuasa Peradilan Agama diperiksa adalah sebagai berikut:

- a. Untuk Jawa, Madura dan Kalimantan Selatan, kecuali Kabupaten Kota Baru ialah nikah, talaq, rujuk, perceraian orang Islam yang memerlukan parantaraan hukum agama, penyelenggaraan perceraian, taklik.
- b. Untuk daerah di luar Jawa, Madura dan Kalimantan Selatan, kecuali Kabupaten Kota Baru ialah nikah, talaq, rujuk, *fasakh*, nafkah, mas kahwin (mahar), tempat kediaman *muf'ah* dan sebagainya, *hadanah*, perkara warisan, mawaris, *waqad*, hibah, sadaqah, baitul mal, dan lain lain yang berhubungan dengan perceraian dan pengesahan bahawa syarat taklik sudah berlaku.

Ad.4. Bidang kuasa yang berhubungan dengan waktu ialah bahawa Peradilan Agama berkuasa melakukan tugas sejak lebih kurang seratus tahun yang lalu sampai waktu yang tak terbatas.

Di sini akan cuba disusun substansi apa yang menjadi bidang kuasa Peradilan Agama yang timbul dari Undang-Undang Perkahwinan (UU No.1/1974) sama ada secara tegas disebutkan dalam pasal-pasal tertentu ataupun secara khas harus ditafsirkan termasuk bidang kuasa Peradilan Agama, adalah sebagai berikut:

1. Hal izin beristeri lebih dari seorang (pasal 3 ayat 2)
2. Izin melangsungkan perkahwinan bagi orang yang belum berusia 21 tahun dalam hal orang tua atau wali atau keluarga dalam garis lurus perbezaan pendapat (pasal 6 ayat 5).
3. Dispensasi kahwin (pasal 7 ayat 2)
4. Pencegahan perkahwinan (pasal 17 ayat 1)
5. Penolakan Perkahwinan oleh pegawai pencatat perkahwinan (pasal 21 ayat3)
6. Pembatasan perkahwinan (pasal 25)
7. Gugatan kelalaian atas kewajipan suami atau isteri(pasa 34 ayat 3)
8. Perceraian kerana talaq (pasal 39)
9. Gugatan perceraian (pasal 40 ayat1)
10. Mengenai penguasaan anak-anak (pasal 41 suba)

11. Ibu dapat memikul biaya pemeliharaan dan pendidikan anak bilamana bapak yang seharusnya bertanggung jawab tidak memenuhinya (pasal 41 sub b)
12. Penentuan kewajiban memberikan biaya penghidupan atau sara hidup oleh suami pada bekas isteri atau penentuan suatu kewajiban bagi bekas isteri (pasal 4 sub c)
13. Putusan tentang sah tidaknya seorang anak (pasal 44 ayat 2)
14. Putusan tentang pencabutan kekuasaan orang tua (pasal 49 ayat 1)
15. Pencabutan kekuasaan wali (pasal 33 ayat 1)
16. Dalam hal kekuasaan seseorang wali dicabut, dapat ditunjuk oleh pengadilan orang lain sebagai wali (Pasal 53 ayat 2)
17. Dalam hal seseorang anak yang belum cukup umur 18 tahun ditinggal kedua orang tuanya padahal tidak ada penunjukkan wali oleh orang tuanya, dalam hal ini penulis berpendapat melalui pasal 53 ayat 2 dapat diertikan bahawa pengadilan tidak hanya berwenang menunjuk seorang wali yang lain jika wali yang ada itu dicabut kekuasaannya. Tetapi pengadilan juga dapat menunjuk seorang wali dalam hal seorang anak yang belum mencapai umur 18 tahun ditinggal kedua orang tuanya. Penunjukkan seorang wali dalam keadaan seperti itu terjadi atas permohonan keluarga terdekat. Jika ternyata seorang anak yang ditinggal mati oleh kedua orang tuanya tidak mempunyai keluarga maka atas permintaan Penuntut Umum (Pendakwa Raya) dapat dimohonkan kepada pengadilan menunjukkan seorang wali sama ada orang

perorangan mahupun badan kemanusiaan yang dapat dipertanggungjawabkan.

18. Kewenangan mengganti kerugian terhadap wali yang telah menyebabkan kerugian atas harta benda anak yang ada di bawah kekuasaannya (pasal 54)
19. Penetapan asal usul seorang anak (pasal 55 ayat 2)
20. Putusan tentang hal penolakan pemberian keterangan untuk melakukan perkahwinan campuran (pasal 10 ayat 3)
21. Dalam hal pasal 64 dinyatakan bahawa perkahwinan yang telah terjadi sebelum UU No. 1/1974 dinyatakan bahawa perkahwinan yang telah terjadi sebelum UU Perkahwinan ada dijalankan menurut peraturan yang lain adalah sah.<sup>61</sup>

### **3.9 Rayuan Terhadap Keputusan Peradilan Agama**

Permasalahan yang berkenaan dengan rayuan (upaya hukum) yang dapat dilakukan para pencari keadilan terhadap penetapan dan putusan Pengadilan Agama. Maksudnya, rayuan apa yang dapat ditempuh oleh pemohon atau termohon terhadap penetapan serta oleh para pihak yang berperkara terhadap putusan yang dijatuhkan putusan Pengadilan Agama apabila mereka beranggapan penetapan atau keputusan tidak sesuai dan tidak adil. Apa ada jalan bagi mereka untuk meminta agar penetapan dan putusan dikoreksi dan diperiksa kembali oleh Pengadilan Agama. Rayuan yang boleh mereka lakukan boleh berupa "rayuan biasa" dalam bentuk permintaan apel atau naik

banding dan kasasi. Selain itu, masih dibuka kemungkinan untuk mengajukan “rayuan hukum luar biasa” dalam bentuk permintaan peninjauan kembali.

Namun pada umumnya boleh dikatakan sahnya permohonan apel (naik banding), kasasi atau peninjauan kembali ditentukan oleh dipenuhi atau tidak aturan rasmi (formil) oleh pihak pemohon. Kekeliruan atau kelalaian memenuhi ketentuan formil mengakibatkan permohonan tidak sah apabila terjadi hal seperti itu menyebabkan permohonan tidak dapat diterima. Jika permohonan tidak dapat diterima, pemeriksaan perkara dalam tingkat apel (naik banding), kasasi atau peninjauan kembali menjadi gagal (batal).

### **3.9.1 Upaya Apel (Naik Banding).**

Berkaitan dengan upaya apel (Naik Banding) peraturannya terdapat dalam pasal 188-194 HIR atau pasal 199-205 RBG. Kemudian berdasarkan ketentuan pasal 3 jo pasal 5 UU Darurat No. 1/1951, pasal-pasal tersebut dihapuskan dan dinyatakan tidak berlaku. Sebagai penggantinya dipergunakan ketentuan UU No. 20/1947. Pada dasarnya UU No.20/1947 hanya berlaku untuk pulau Jawa dan Madura tetapi dalam praktik atau realiti sampai sekarang telah dijadikan aturan pedoman untuk seluruh Indonesia berbarengan atau bertepatan dengan ketentuan yang diatur dalam HIR dan RBG.<sup>62</sup>



Naik Banding yang disebut juga *apel* ialah permohonan pemeriksaan kembali (*ulang bicara*) terhadap putusan atau penetapan pengadilan tingkat pertama (Pengadilan Agama) kerana merasa tidak puas atas putusan atau penetapan tersebut ke pengadilan tingkat apel atau naik banding (Pengadilan Tinggi Agama) yang mewilayahi pengadilan tingkat pertama yang bersangkutan melalui pengadilan tingkat pertama yang memutuskan tersebut dalam tenggang waktu tertentu dan dengan syarat-syarat tertentu.

Berdasarkan kepada peruntukan yang ditetapkan dalam UU No.20/1947, dalam pasal 7-15 maka menurut ketentuan tersebut tata cara permohonan apel (naik banding)<sup>63</sup> adalah seperti berikut:

1. Tempoh masa permohonan untuk apel (naik banding) :
  - a. 14 hari sejak waktu mengeluarkan keputusan dimana pihak pemohon apel (naik banding) hadir sendiri semasa perbincangan atau.
  - b. 14 hari sejak keputusan diberitahukan apabila pemohon apel (naik banding) tidak hadir pada saat keputusan diucapkan dipersidangan.
  - c. Jika perkara priode terhitung 14 hari dari tanggal pemberitahuan keputusan priode dari pengadilan tinggi kepada pemohon apel (naik banding), (pasal 7 )
2. Pengajuan permohonan naik banding (apel) disampaikan kepada panitera pengadilan yang memutuskan perkara yang hendak dinaik bandingkan.

3. Yang berhak mengajukan permohonan naik banding:

a. Pihak yang berperkara *in person*, atau

b. Kuasanya dengan syarat lebih dahulu mendapat surat kuasa khusus untuk itu.

4. Untuk permintaan apel (naik banding) iaitu boleh dengan lisan atau tulisan.

4. Pembayaran ongkos belanja apel (naik banding), merupakan syarat formil permintaan naik banding, biaya naik banding dibebankan kepada pemohon naik banding (apel).

6. Kalau syarat formil dipenuhi yakni permohonan tidak melampaui tenggang 14 hari dan biaya apel (naik banding) telah dibayar, panitera akan mendaftarkan permohonan dan sekaligus membuat akta naik banding serta melampirkan akta naik banding.

Setiap permohonan apel (naik banding) yang tidak memenuhi syarat formil mengakibatkan permohonan naik banding akan dinyatakan "tidak dapat diterima" (*niet on vankeljk verkoard*).

### 3.9.2 Upaya Kasasi

Kasasi artinya mohon pembatalan terhadap putusan atau penetapan pengadilan tingkat pertama (Pengadilan Agama) atau putusan terhadap putusan tingkat apel atau naik banding (PTA) ke Mahkamah Agung di Jakarta melalui pengadilan tingkat pertama (Pengadilan Agama) yang dahulunya memutuskan kerana adanya alasan tertentu dalam waktu tertentu dan dengan syarat-syarat tertentu.<sup>64</sup>

Mengenai perkara yang dapat dikasasi ini diatur dalam pasal 43 UU No.14/1985. Dalam pasal tersebut telah ditentukan asas umum, bahawa permohonan kasasi hanya terhadap perkara yang menggunakan upaya hukum naik banding. Inilah asas hukum. Suatu perkara baru dapat diajukan permohonan kasasi terhadapnya apabila perkara tersebut sudah terlebih dahulu dan diputuskan dalam tingkat apel (naik banding).

Akan tetapi pasal 43 tersebut mengemukakan tentang adanya pengecualian-pengecualian itu terjadi menurut penjelasan pasal 43 ayat 1 berupa adanya putusan pengadilan tingkat pertama yang oleh Undang-Undang tidak dapat dimohon apel (naik banding). Maka terhadap keputusan Pengadilan Agama yang tidak dapat dimohon apel (naik banding) langsung dapat diajukan permohonan kasasi.

Mengenai orang yang berhak mengajukan kasasi diatur dalam pasal 44 UU No. 14/1985. Menurut yang ditentukan dalam pasal tersebut yang

boleh mengajukan permohonan kasasi iaitu pihak-pihak yang berperkara atau kuasanya yang secara khusus untuk perkara perdata yang diputus oleh pengadilan tingkat banding (apel).

Permohonan kasasi ditujukan kepada Mahkamah Agung melalui penitera pengadilan tingkat pertama yang telah memutuskan perkara yang hendak dikasasi.<sup>65</sup> Upaya hukum kasasi baru boleh digunakan bila sudah mempergunakan upaya hukum naik banding.<sup>66</sup>

### 3.9.3 Upaya Peninjauan Kembali

Peninjauan Kembali yang dimaksud adalah terhadap keputusan atau penetapan pengadilan tingkat pertama (PA) yang telah memperoleh kekuatan hukum yang tetap atau terhadap putusan pengadilan tingkat naik banding (PTA) yang telah memperoleh kekuatan hukum yang tetap atau terhadap putusan Mahkamah Agung. Kerananya selalu disebut dipanjangkan menjadi "peninjauan kembali" terhadap putusan yang telah memperoleh kekuatan hukum yang tetap.<sup>67</sup>

Yang berhak mengajukan permohonan Peninjauan Kembali diatur dalam pasal 68 UU No.14/1985. Menurut ketentuan tersebut yang berhak mengajukan permohonan Peninjauan Kembali (PK) :

- a. para pihak secara *in person*

- b. ahli waris mereka atau
- c. kuasa yang diberi kuasa khusus untuk itu.

Tata cara mengajukan permohonan Peninjauan Kembali (PK) diatur dalam pasal 70 ayat 1 yang menentukan:

- a. permohonan diajukan kepada ketua pengadilan yang memutuskan perkara pada tingkat pertama, dan
- b. dibarengi dengan pembayaran biaya perkara

Salah satu asas yang berkenaan dengan permohonan Peninjauan Kembali, menentukan permohonan Peninjauan Kembali hanya dapat diajukan "satu kali". Maksudnya apabila perkara Peninjauan Kembali telah diputus, gugur hak para pihak untuk mengajukan Peninjauan Kembali sekali lagi.<sup>68</sup>

Ketentuan itu bukan hanya berlaku pada pihak yang telah mengajukan permohonan, tapi juga berlaku pada pihak yang tidak mengajukan permohonan. Akan tetapi hal ini tidak menutup kemungkinan untuk mengajukan Peninjauan Kembali secara bersamaan. Hal itu tidak berbeza dalam upaya naik banding (apel) atau kasasi.

Apabila para pihak sama-sama mengajukan Peninjauan Kembali permohonan akan diperiksa dan diputus serentak dalam suatu pemeriksaan yang sama dan dituangkan dalam satu keputusan yang sama untuk itu permohonan kedua belah pihak sama dilampirkan pada berkas.

### 3.10 PENUTUP

Dari huraian tersebut di atas maka penulis dapat simpulkan bahawa perceraian di Indonesia pada prinsipnya ada dua macam garis hukum iaitu hukum perceraian menurut hukum agama Islam dan garis hukum menurut hukum selain Islam. Garis hukum menurut agama Islam bahawa hak talaq itu pada prinsipnya berada pada tangan sang suami. Hal ini oleh UU No.1/1974 dan PP No.9/1975 dimana suami dapat menjatuhkan talaq pada isteri di depan sidang pengadilan berdasarkan alasan-alasan yang disaksikan oleh sidang pengadilan tersebut. Tetapi menurut hukum Islam hak talaq itu dapat juga berada di tangan isteri dengan jalan *taukil*, *tafwidl* atau *fasakh istiqlal* di depan hakim.

Perceraian menurut garis hukum pada dasarnya hanya boleh digunakan sebagai jalan terakhir sesudah usaha perdamaian telah dilakukan sedemikian rupa sehingga tidak ada jalan lain kecuali hanya perceraian itu, dalam ertian ini perceraian hanya sebagai pintu darurat semata-mata atau *way out*. Hal ini dapat dilihat dalam Undang-Undang Perkahwinan No. 1/1974 dan PP No.9/1975 dimana mengedepankan atau menganut prinsip mempersukar terjadinya perceraian. Ini adalah selari dengan prinsip yang dianut oleh hukum agama Islam. Walaupun suami mempunyai kuasa untuk menceraikan isterinya namun kekuasaan itu bukanlah kekuasaan yang boleh dipergunakannya dengan semena-mena tetapi kekuasaan yang hanya boleh dipergunakan oleh suami sebagai *way out* atau pintu darurat yakni diwaktu terjadi suatu pertengkaran atau hal-hal lain yang tidak dapat

diselesaikan lagi hingga benar-benar nyata akan lebih mudarat dari manfaat sekiranya tidak bercerai.

Pengaturan undang-undang perkahwinan di Indonesia bukan sahaja terdapat dalam undang-undang No.1/1974 dan PP No.9/1975 yang khusus mengatur tentang perkahwinan di Peradilan Agama, namun undang-undang perkahwinan ini terdapat juga dalam undang-undang lain seperti UU No.14/1970 sebagai undang-undang yang mengatur ketentuan pokok kekuasaan kehakiman dan juga UU No.7/1989 yang mengatur tentang kedudukan lingkungan Peradilan Agama di Indonesia serta Kompilasi Hukum Islam.

Di Indonesia ada empat lingkungan peradilan atas kekuasaan kehakiman atau "yuditial power" yang diatur dalam pasal 10 UU No.14/1970 di antaranya ialah:

- a. Peradilan Umum
- b. Peradilan Agama
- c. Peradilan Militer
- d. Peradilan Tata Usaha negara.

Fungsi Peradilan Agama di Indonesia adalah memeriksa, mengadili, memutuskan dan menyelesaikan perkara-perkara perkahwinan. Kewarisan, wasiat, hibah, wakaf dan sadaqah di antara orang-orang Islam untuk menegakkan hukum dan keadilan. Penyelenggaraan Peradilan Agama di

Indonesia dilaksanakan oleh Peradilan Agama tingkat pertama dan Peradilan Tinggi Agama pada tingkat naik banding (apel) sedangkan pada tingkat kasasi dilaksanakan oleh Mahkamah Agung sebagai pengadilan negara tertinggi.



- <sup>1</sup>K. Wanjik Saleh. SH. (1976). *Hukum Perkahwinan Di Indonesia*, Ghalia Indonesia, Jakarta, h. 12
- <sup>2</sup>*Ibid*
- <sup>3</sup>K. Wanjik Saleh. SH. *Op.Cit.* h. 2
- <sup>4</sup>*Ibid*
- <sup>5</sup>Undang-undang Perkahwinan No 1/1974, pasal 67
- <sup>6</sup>Peraturan Pemerintah No. 9/1975 pasl, 49
- <sup>7</sup>Undang-undang Perkawinan No. 1/1974, pasal 1
- <sup>8</sup>Pemerintah Propinsi Jambi Biro Bina Pemerintahan desa, (1985), *hasil rumusan temu karya penyatuan pendapat tidak dalam rangka peningkatan pelayanan nikah, talak, rujuk (NTR)*. h. 8
- <sup>9</sup>R. Subekti, 1995, *Undang-undang No 7 Tahun 1987*, Cet 27, PT. Pradnya Pramita. Jakarta. Halaman 51.
- <sup>10</sup>Peraturan Pemerintah No 9 Tahun 1975 Pasal 19
- <sup>11</sup>Sharifah Mariah Syed Husin, 1994, *Penderaan kKanak-kanak: Satu Tinjauan dari Perspektif Hukum Dan Masyarakat di Malaysia*. Latihan Ilmiah, Fakultas Syariah, Universiti Malaya, halaman 31- 32
- <sup>12</sup>Raihanah Haji Abdullah, 1997, *Manusia Dan Masyarakat*, Jilid 10. halaman 149
- <sup>13</sup>*Penjelasan umum UU No. 1/1974 Dan PP No. 9/1975 tentang perkawinan*, Jakarta: Paradya Paramita, 1977, h. 28-29 sub 4
- <sup>14</sup>Djoko Prakoso, I Ketut Murtika (1987), *Hukum Perkahwinan Di Indonesia*, Jakarta: Bina Aksara, h. 14-15
- <sup>15</sup>Undang-undang No. 1/1974 pasal 38
- <sup>16</sup>*Ibid* pasal 39
- <sup>17</sup>Peraturan Pemerintah No. 9/1975 pasal 19
- <sup>18</sup>PP No.9/1975 pasal 24 ayat 2
- <sup>19</sup>K. Wanjik Saleh SH (1976), *Hukum Perkahwinan di Indonesia*, Jakarta: Galia Indonesia, h. 42
- <sup>20</sup>M. Jamil Latif, *op.cit*
- <sup>21</sup>K. Wanjik Saleh SH, *op.cit*, h.43
- <sup>22</sup>*Ibid*
- <sup>23</sup>Peraturan Pemerintah No. 9/1975 pasal 34 ayat 2
- <sup>24</sup>M. Jamil Latif, *op.cit*, h.113
- <sup>25</sup>Peraturan Pemerintah No.9/1975 pasal 35 ayat 1
- <sup>26</sup>*Op.Cit.* pasal 41
- <sup>27</sup>Pasal 24 Peraturan pelaksana juga menjelaskan kepada pengadilan wewenang mengadakan persiapan-persiapan untuk pemeliharaan isteri dan anak-anak selama berlangsungnya proses perceraian
- <sup>28</sup>J. Prins, *Hukum Perkahwinan di Indonesia*, Jakarta: Galia Indonesia, h. 70. Lihat juga pasal 45 ayat 2, kewajiban untuk pemeliharaan dan pembiayaan anak-anak tidak dihentikan oleh pembubaran perkahwinan orang tua
- <sup>29</sup>asal 11 UU no. 1/1974
- <sup>30</sup>Peraturan Pemerintah No. 9/1975 pasal 39 ayat 1
- <sup>31</sup>M. Yahya Harahap (1993), *Kedudukan Kewenangan Dan Acara Peradilan Agama, UU No. 7/1989*, Jakarta: Pustaka Kartini, h. 192
- <sup>32</sup>Raihan Ar-Rasyid (1990), *Hukum Acara Peradilan Agama*, Jakarta:, Raja Grafindo Persada, h. 56
- <sup>33</sup>*Ibid*
- <sup>34</sup>*Ibid*
- <sup>35</sup>M. Yahya Harahap, *op.cit*, h. 193-194
- <sup>36</sup>Raihan A. Rasyid. *Op.cit*, h. 61
- <sup>37</sup>*Ibid*, h. 62
- <sup>38</sup>Kalimat ini dulunya ditulis *duduknya perkara* tetapi sesuai petunjuk Mahkamah Agung terakhir, telah diubah menjadi *duduk perkaranya*
- <sup>39</sup>Raihan A. Rasyid, *op.cit*, h. 64
- <sup>40</sup>Shadiq Shalaluddin Chaery, *Kamus Istilah Agama*, Jakarta: Sienttarama, h. 38
- <sup>41</sup>Hamudah Abdul al-Ati, *Keluarga muslim*, Surabaya: Bina Ilmu, h. 297
- <sup>42</sup>A. Zuhdi Muhdlor, *Hukum Perkahwinan*, Jakarta: Al-Bayan, h. 68
- <sup>43</sup>Undang-undang No. 7/1989 pasal 65 paragraf 1
- <sup>44</sup>*Ibid*, h. 66 paragraf 2

- 
- <sup>45</sup> M. Yahya Harahap, *op.cit.* h. 253
- <sup>46</sup> Undang-undang No. 7/1989 pasal 73
- <sup>47</sup> *Ibid.*, pasal 77
- <sup>48</sup> *Ibid.* pasal 78
- <sup>49</sup> Departemen Agama, *Kenang-kenangan Seabad Peradilan Agama Di Indonesia*, Jakarta: h. 99
- <sup>50</sup> Undang-undang No. 14/1970-1974 tentang ketentuan-ketentuan pokok kekuasaan kehakiman, pasal 10 ayat 1 kata-kata "peradilan negara" dan "kekuasaan kehakiman" adalah semakna
- <sup>51</sup> *Ibid.*, penjelasan pasal 10 ayat 1
- <sup>52</sup> Undang-undang No. 7/1989 pasal 1 sub 1
- <sup>53</sup> R. Wirjono Projodikoro (1980), *Hukum acara Perdata Di Indonesia*, Jakarta: Sumur Bandung, h. 13
- <sup>54</sup> Subekti dan Citro Sudibyo (1983), *Kamus Hukum*, Jakarta: Paradya Paramita, h. 56
- <sup>55</sup> Undang-undang No. 14/1970 pasal 10
- <sup>56</sup> M. Yahya Harahap, *op.cit.* h. 90
- <sup>57</sup> *Ibid.*
- <sup>58</sup> Raihan A. Rasyid, *op.cit.* h. 2
- <sup>59</sup> *Ibid.* h. 27
- <sup>60</sup> Depag RI, *op. Cit.* h. 134
- <sup>61</sup> *Ibid.* h. 135-137
- <sup>62</sup> M. Yahya Harahap, *op.cit.* h. 375
- <sup>63</sup> *Ibid.* h. 377-378
- <sup>64</sup> Raihan A. Rasyid, *op.cit.* h. 222
- <sup>65</sup> M. Yahya Harahap, *op.cit.* h. 395
- <sup>66</sup> Raihan A. Rasyid, *op.cit.* h. 222
- <sup>67</sup> *Loc.cit.*
- <sup>68</sup> M. Yahya Harahap, *op.cit.* h. 411